



TEKS KHUTBAH GERHANA BULAN

Disediakan oleh

Bahagian Falak
Jabatan Mufti Negeri Selangor

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَىٰ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.
قَالَ تَعَالَىٰ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ:

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ
وَأَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

MARILAH kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa, iaitu istiqamah dalam mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan yang demikian, mudah-mudahan kita akan menjadi umat yang terbaik dan unggul serta mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Muslimin / muslimat yang dirahmati Allah,

Firman Allah dalam ayat 5 -6 surah Yunus :

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا
عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ
لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

إِنَّ فِي اخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ
لِقَوْمٍ يَتَّقُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya : *Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui.*

Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang silih berganti, dan pada segala yang dijadikan oleh Allah di langit dan di bumi, ada tanda-tanda (yang menunjukkan undang-undang dan peraturan Allah) kepada kaum yang mahu bertaqwa.

Di dalam ayat yang dibacakan sebentar tadi, jelas kepada kita bahawa malam dan siang itu adalah tanda atau bukti kekuasaan Allah yang tidak dapat ditandingi. Ia menjadi kemudahan bagi manusia untuk menyusun dan mengatur kehidupan mereka di muka bumi ini. Demikian juga dengan kejadian alam semesta dengan pelbagai fenomena yang berlaku di dalamnya adalah lambang kewujudan dan kekuasaan Allah Ta'ala ke atas makhluknya.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Seringkali kita sebagai hamba Allah lupa akan kewajipan kita sebagai khalifah di muka bumi ini lantas membuat kesilapan demi kesalahan yang mengundang kemurkaan Allah Ta'ala. Kita lalai melaksanakan suruhan dan perintahNya sehingga ada di antara kita yang leka dengan kemaksiatan dan kemungkaran dalam kehidupan sehari-hari. Tanpa kita sedar dosa dan kesalahan kita hari demi hari semakin bertambah dan bintik-bintik hitam semakin menghilangkan cahaya keimanan di hati kita ini. Usia kita semakin hampir menemui ajalnya, sedang kita belum lagi membuat persiapan dan persediaan yang sewajarnya dalam menghadapi hari tersebut.

Perkara-perkara itu perlulah menjadi tanda tanya kepada diri kita sekalian. Sejauh manakah persiapan dan bekalan yang telah kita siapkan dalam mengharungi perjalanan ke akhirat nanti, sebanyak manakah ibadat yang telah kita laksanakan bagi menyucikan diri, jiwa dan sanubari kita? Dan sejauh manakah usaha kita bagi memastikan diri kita ini dan ahli keluarga terpelihara daripada azab api neraka.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Gerhana bulan yang berlaku pada malam ini adalah suatu peristiwa yang menakjubkan kepada seluruh umat manusia kerana sedikit demi sedikit bulan hilang cahayanya. Gerhana bulan pada kali ini bermula jam 7:48 malam dan akan berakhir pada jam 11:11 malam. Sepanjang tempoh tersebut kita berpeluang menyaksikan kuasa Allah SWT yang mengatur perjalanan dan pergerakan bumi, bulan dan matahari. Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 33 :

﴿ ۳۳ ﴾ وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبَيْنِ وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ

Maksudnya: *“Dan Dia yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu.”*

Gerhana itu ialah suatu perubahan, suatu kejadian, suatu keagungan dan kebesaran Tuhan yang berlaku melalui sistem peredaran bumi, matahari dan bulan pada orbitnya masing-masing; di mana kejadian ini adalah suatu perkara yang amat mudah bagi Allah Ta'ala melakukannya. Kejadian gerhana matahari atau bulan ini bukanlah merupakan suatu tanda akan timbul kejadian yang aneh dan mengkhawatirkan, tetapi gerhana itu berlaku atas kehendak dan kuasa Allah atas segala sesuatu yang tidak dapat dihalang oleh apa jua kekuatan pun di dunia ini.

Justeru itu, apabila berlakunya gerhana, kita sebagai umat Islam adalah dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya bersegera untuk melakukan perkara-perkara kebajikan seperti berdoa, berzikir, bersembahyang, bertakbir, bersedekah dan beristighfar. Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

[إن الشمس والقمر آيتان من آيات الله لا ينخسفان لموت أحد ولا لحياته ، فإذا رأيتم ذلك فادعوا الله وكبروا، وصلوا، وتصدقوا (البخاري)

Maksudnya: *Sesungguhnya matahari dan bulan adalah 2 bukti daripada tanda-tanda kebesaran Allah Ta'ala di mana kedua-duanya tidak akan gerhana kerana kematian atau hidupnya seseorang. Maka apabila kamu melihat gerhana itu maka berdoalah kepada Allah, bertakbirlah, dirikanlah sembahyang dan bersedekahlah.....*

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Mimbar mengharapkan kejadian gerhana bulan ini akan menimbulkan keinsafan, kesedaran, menambah serta menguatkan lagi keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT. Pada malam yang indah ini, marilah kita menginsafi diri kita dan mereka yang berada di bawah tanggungjawab kita, agar bertaubat kepada Allah Ta'ala dari segala kesalahan dan kesilapan serta menyesali segala kemungkaran dan kemaksiatan yang telah kita lakukan. Bertaubatlah kepada Allah Ta'ala dengan sebenar-benar taubat, dengan segera dan tanpa bertangguh-tangguh. Ini sebagaimana yang diperintahkan Allah dalam fimanNya dalam Surah Ali Imran ayat 133 yang berbunyi :

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Maksudnya : “Dan bersegeralah kamu kepada ampunan dari Tuhanmu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa...”

Kesimpulannya, sempena fenomena gerhana bulan pada mala mini, mimbar menggariskan beberapa nasihat untuk dijadikan pedoman bersama:

- Pertama** : Berfikir dan bertafakkur pada setiap kejadian fenomena alam;
- Kedua** : Memperingati tentang nikmat syurga dan azab neraka;
- Ketiga** : Menjauhkan diri daripada lalai dan lupa kepada Pencipta iaitu Allah SWT;
- Keempat** : Bersyukur, menghitung, mempertingkatkan dan memperkemaskan amal kebajikan sepanjang masa; dan

Kelima : Bersegera memohon taubat kepada Allah SWT di atas kealpaan dan keingkaran mentaati perintah-Nya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس
شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز
شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ
مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ
شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha kea rah memperkukuhkan Negara umat Islam khususnya negeri Selangor , sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan.

Justeru, kami mohon kehadiran-Mu Ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang erat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan bertambah makmur dan berkat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَيَّ نَعْمَةً
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ﴿١٠٢﴾ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.